

Faktor yang Mempengaruhi Penilaian Pelajar terhadap Prestasi Pengajaran Pensyarah
(Factors Influencing Students' Evaluation on Lecturer's Teaching Performance)

MAIZATULAKMA ABDULLAH *, AINOL BASIRAH ABDUL WAHAB, NOORSAKINAH
 ABDUL WAHAB, MUHAMMAD AZIM ISMAIL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kriteria atau faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menilai prestasi pengajaran pensyarah. Data kajian telah diambil menerusi kaedah temuduga kumpulan fokus dan soal selidik. Temuduga kumpulan fokus telah dilaksanakan dengan melibatkan 22 orang pelajar di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Soal selidik juga telah dilaksanakan di fakulti tersebut dengan sampel sebanyak 800 orang pelajar. Hasil kajian ini telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Kajian ini mendapati pelajar bersetuju mengenai kepentingan penilaian terhadap pensyarah supaya kualiti pengajaran pensyarah dapat ditingkatkan. Kajian ini juga membuktikan bahawa pelajar mengambilkira kelima-lima kriteria yang ditetapkan dalam sistem penilaian pengajaran pensyarah di UKM, iaitu (i) penguasaan bahan dan keyakinan dalam penyampaian, (ii) kaedah penyampaian yang jelas dan menarik, (iii) dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus, (iv) menepati masa dan (v) memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar. Selain daripada lima kriteria ini, pelajar juga mengambilkira faktor lain iaitu penyediaan bahan pengajaran yang lengkap oleh pensyarah serta sikap humor pensyarah di dalam kelas. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa kriteria penilaian yang digunakan di UKM selari dengan faktor yang diambilkira oleh pelajar dan ianya sah dan boleh dipercayai.

Kata kunci: penilaian pengajaran, prestasi pensyarah, pelajar, universiti

ABSTRACT

This study aims to identify the criteria or factors that influence students in evaluating lecturer's performance. Data of this research was obtained through focus group interview and questionnaire. Focus group interview was carried out involving 22 students at the Faculty of Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). A survey was conducted at the faculty by giving out questionnaires to a sample of 800 students. The results of this study were then analyzed using descriptive statistics. This study found that students agree on the importance of evaluating lecturers so that the quality of lecturers' teaching can be improved. This study also demonstrates that students take into account the five criteria set out in the evaluation system of lecturers in UKM: (i) material possessiveness and confidence in the delivery, (ii) clear and interesting presentation methods, (iii) dedication and commitment during delivery courses, (iv) punctuality and (v) equal treatment of all students and student-friendliness. In addition to these five criteria, students also take into consideration other factors such as the provision of complete teaching materials by lecturers and lecturers' use of humor in the classroom. The findings show that the evaluation criteria used in UKM corresponded to the factors considered by the students, and are thus considered valid and reliable.

Keywords: evaluation of teaching, lecturer's performance, students, university

PENGENALAN

Bidang pendidikan merupakan salah satu bidang utama yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sistem pendidikan yang baik dapat membantu negara membangunkan modal insan dan memacu pertumbuhan. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah salah satu institusi pendidikan tinggi negara yang terus ke hadapan dalam membina sistem pendidikan yang berkualiti. Bagi menjamin kualiti pendidikan, Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM menghendaki agar pelajar menilai prestasi pengajaran pensyarah pada setiap akhir semester. Dasar tersebut menetapkan agar pelajar menilai pengajaran pensyarah berdasarkan lima kriteria utama iaitu, (i) penguasaan bahan dan keyakinan dalam penyampaian, (ii) kaedah penyampaian yang jelas dan menarik, (iii) dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus, (iv) menepati masa dan (v) memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar. Markah penilaian ini akan diambilkira dalam penilaian prestasi tahunan pensyarah dan juga penilaian untuk kenaikan pangkat (Dasar Pengajaran & Pembelajaran 2008). Ini bermakna, UKM mengiktiraf lima kriteria ini sebagai ukuran keberkesanan pengajaran pensyarah yang sah dan dipercayai.

Namun, terdapat pensyarah yang meragui kesahan dan kebolehpercayaan ukuran penilaian ini dan isu ini telah dibincangkan secara serius dalam mesyuarat di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Pensyarah meragui bahawa pelajar mengambilkira lima kriteria yang ditetapkan tersebut semasa proses penilaian prestasi pengajaran pensyarah. Keraguan ini bertepatan dengan kajian lepas seperti Machingambi dan Wadesango (2011) yang membuktikan wujudnya persepsi negatif dikalangan pensyarah universiti mengenai penilaian pelajar terhadap pengajaran mereka. Penny (2003) pula menjelaskan bahawa pensyarah meragui penilaian pelajar kerana merasakan bahawa pelajar mungkin menzahirkan perasaan tidak puas hati kepada pensyarah menerusi penilaian tersebut. Pelajar juga dikatakan bias dalam menilai pengajaran pensyarah kerana penilaian dipengaruhi oleh pandangan peribadi, tanpa melihat kepada keberkesanan sebenar pengajaran formal dalam kelas (Johnson 2000; Kuzmanovic et al. 2013; Shevlin et al. 2000).

Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk menyelidik faktor atau kriteria sebenar yang diambilkira oleh pelajar khususnya di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM. Meskipun isu ini pernah dibincangkan dalam kajian lepas (seperti Remedios & Lieberman 2008; Spooren et al. 2013), namun dapatan tersebut sukar digeneralisasikan dalam konteks

pelajar di UKM. Justifikasinya adalah, kajian lepas menunjukkan dapatan yang berbeza-beza mengenai faktor atau kriteria yang mempengaruhi penilaian pelajar. Maka, agak sukar untuk mengenalpasti faktor mana yang sebenarnya turut mempengaruhi pelajar di UKM. Tambahan pula, Wachtel (2006) menegaskan bahawa kriteria penilaian yang ditetapkan oleh universiti mestilah selari dengan kriteria yang diambilkira oleh pelajar di universiti tersebut agar penilaian adalah sah dan dipercayai. Memandangkan kajian lepas kebanyakannya diperolehi daripada kajian di negara barat, maka kajian ini perlu dilaksanakan semula di universiti ini. Budaya dan corak pemikiran yang berbeza di negara barat kurang sesuai untuk digeneralisasikan dalam konteks Malaysia yang mengamalkan budaya berbeza.

Dapatkan kajian ini relevan kepada pihak pengurusan universiti serta pensyarah. Kajian ini juga dijangka memberi sumbangan dari segi mendapatkan input mengenai kelemahan dan kekurangan sistem penilaian sedia ada serta membantu dalam meningkatkan sistem penilaian yang lebih efektif pada masa akan datang.

KAJIAN LEPAS

Penilaian pelajar terhadap pengajaran pensyarah amat penting untuk menjaga kualiti pengajaran di sebuah institusi pengajaran. Wachtel (2006) menjelaskan bahawa input yang diperolehi daripada pelajar mengenai pengajaran pensyarah membantu dalam mewujudkan sistem pendidikan yang lebih baik dari masa ke semasa. Spooren et al. (2013) menjelaskan bahawa terdapat tiga kepentingan utama penilaian pelajar terhadap prestasi pengajaran pensyarah. Pertama, adalah untuk menambahbaik kualiti pengajaran. Kedua, adalah untuk menilai prestasi pensyarah bagi tujuan kenaikan pangkat dan ganjaran. Ketiga, untuk menjadi bukti akauntabiliti universiti dalam menawarkan pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat. Santiago dan Benavides (2009) pula berpendapat bahawa penilaian terhadap pensyarah boleh menjadi salah satu bentuk ganjaran kepada pensyarah cemerlang apabila pensyarah tersebut diberi markah yang tinggi serta diiktiraf oleh pelajar.

Namun, sekiranya pensyarah dinilai secara tidak adil, maka ini akan mengurangkan motivasi pensyarah dan mengurangkan kepuasan kerja (Díaz-Méndez et al. 2017; Wachtel 2006). Oleh yang demikian, Machingambi dan Wadesango (2011) menegaskan supaya ukuran penilaian yang digunakan mestilah sah dan boleh dipercayai. Ukuran tersebut perlulah

mencakupi semua kriteria atau faktor penting yang diambilkira oleh pelajar semasa dalam proses penilaian (Machingambi & Wadesango 2011). Penilaian prestasi pengajaran yang adil dapat meningkatkan motivasi pensyarah (Kuzmanovic et al. 2013).

Faktor yang Diambilkira Pelajar Semasa Menilai Pensyarah

Kajian lepas mendapati pensyarah meragui penilaian pelajar kerana pelajar dilihat terlalu subjektif dalam menilai pensyarah (Campos et al. 2017; Machingambi & Wadesango 2011; Penny 2003). Terdapat kajian yang membuktikan bahawa pelajar terlalu melihat kepada fizikal seseorang pensyarah semasa membuat penilaian. Spooren et al. (2013) mendapati pelajar menyukai pensyarah yang berpenampilan yang menepati citarasa mereka dan memberikan markah yang tinggi kepada pensyarah ini. Malahan, kajian yang dijalankan oleh Aruguete et al. (2017) juga mendapati warna kulit pensyarah dan juga pakaian memberi kesan kepada penilaian oleh pelajar.

Remedios dan Lieberman (2008) pula mendapati pelajar melihat kepada personaliti pensyarah seperti sifat tegas dalam peraturan. Shevlin et al. (2000) menyokong dapatan tersebut dan mendapati pelajar lebih cenderung menilai pensyarah berdasarkan personaliti peribadi pensyarah tanpa mengambilkira keberkesanan pengajaran secara formal dalam kelas. Faktor kelonggaran dalam memberi markah atau gred juga dibuktikan menjadi faktor yang diambilkira oleh pelajar dalam menilai pensyarah berbanding kualiti pengajaran (Stroebe 2016). Pensyarah yang berperwatakan lembut dan kurang tegas sering menjadi pensyarah “popular” dikalangan pelajar (Fuhrmann & Geyer 2003). Pelajar juga didapati lebih menyukai pensyarah yang tidak memberi bebanan kerja yang banyak kepada mereka berbanding pensyarah yang sering memberi tugas yang banyak dan berat (Remedios & Lieberman 2008). Pensyarah yang bersikap humor juga seringkali menjadi pensyarah pilihan pelajar (Spooren et al. 2013).

Kajian yang dijalankan oleh MacNell et al. (2015) pula memberi bukti bahawa faktor jantina pensyarah turut mempengaruhi penilaian oleh pelajar, dimana pelajar cenderung memberi penilaian yang tinggi kepada pensyarah lelaki berbanding wanita. Yusoff et al. (2015) dan Cohen (1983) pula mendapati saiz kelas mempengaruhi penilaian pelajar kerana saiz kelas yang besar mengurangkan komunikasi interaktif antara pelajar dan pensyarah yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap penilaian mereka kepada pensyarah yang mengajar. Dapatkan ini turut disokong oleh Husbands (1997) yang mengkaji tingkah laku

penilaian pelajar terhadap pengajaran pensyarah di London School of Economics and Political Science. Terdapat juga pelajar yang menilai pensyarah berdasarkan pendapat pelajar senior atau alumni (Feldman 1989). Kriteria yang disebutkan ini tidak berkait secara langsung dengan psikometri pensyarah maupun prestasi pengajaran pensyarah.

Meskipun sistem penilaian pelajar terhadap pensyarah sering dikritik, namun terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa penilaian ini adalah salah satu penunjuk yang sah bagi mengukur keberkesanan pengajaran pensyarah (Marsh 1987; Wachtel 2006).

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif melalui soal selidik. Soal selidik dibina berdasarkan dapatan kajian lepas (seperti Remedios & Lieberman 2008; Spooren et al. 2013) dan juga mengambilkira input yang diperolehi menerusi temuduga kumpulan fokus. Seramai 22 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga 4 telah terlibat dalam temuduga tersebut. Kesahan soal selidik telah dilakukan dengan merujuk kepada tiga orang pakar penilai instrumen yang dilantik bagi mendapatkan kesahan pakar. Soal selidik awal telah disemak oleh pakar penilai dan beberapa item telah dipinda berdasarkan nasihat pakar.

Soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Bahagian B adalah untuk mengetahui pendapat pelajar mengenai kepentingan penilaian pengajaran pensyarah dan Bahagian C adalah untuk mengenal pasti faktor yang diambilkira semasa menilai pengajaran pensyarah. Sampel kajian ini adalah 800 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 2, 3 dan 4. Pelajar tahun 1 dikecualikan daripada sampel soal selidik kerana pelajar ini belum mempunyai pengalaman dalam penilaian pengajaran pensyarah. Walau bagaimanapun, hanya 393 responden sahaja yang telah menjawab soal selidik dengan lengkap (49.125% kadar soal selidik yang diterima dan boleh digunakan). Soal selidik telah diedarkan semasa dalam tempoh pelajar perlu membuat penilaian di Sistem Penilaian Pengajaran dan Penyeliaan Pensyarah (SPPP). Kajian ini dianalisis secara deskriptif dan untuk tujuan menganalisis data, kajian ini mengkategorikan skor min kepada tiga mata, iaitu min = 1.00 hingga min = 3.00 adalah rendah, min = 3.01 hingga min = 4.00 adalah sederhana dan min = 4.01 hingga min = 5.00 adalah tinggi yang diadaptasi dari Nik Yusoff et al. (2008) seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Interpretasi tahap nilai min bagi skala Likert 5 tahap

Skor min	Tahap
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana
1.00 hingga 3.00	Rendah

(Adaptasi dari Nik Yusoff et al. 2008)

HASIL KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan taburan demografi responden. Sebanyak 84.48% responden kajian ini adalah dikalangan pelajar perempuan dan majoriti responden terdiri daripada pelajar yang mendapat purata nilai gred kumulatif (PNGK) kurang daripada 3.50. Sebanyak 52.42% daripada jumlah responden merupakan pelajar tahun 3. Pelajar tahun 4 hanyalah sebanyak 1.02% kerana pada semester 1, kebanyakan pelajar tahun 4 tidak berada di kampus kerana mengikuti latihan

industri di syarikat luar. Sebanyak 45.29% adalah pelajar dalam program sarjana muda perakaunan diikuti sebanyak 31.81% daripada program sarjana muda pentadbiran perniagaan. Pelajar daripada program sarjana muda keusahawanan dan inovasi serta ekonomi masing-masing adalah sebanyak 19.34% dan 3.56%. Taburan demografi responden menunjukkan kajian ini dapat meliputi sasaran responden yang sesuai bagi memberikan input berkenaan faktor yang mempengaruhi penilaian pensyarah.

JADUAL 2. Taburan Demografi Responden (n=393)

Demografi Responden	Sub-Demografi	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	61	15.52%
	Perempuan	332	84.48%
PNGK	3.51 dan ke atas	113	28.75%
	3.50 dan ke bawah	280	71.25%
Tahun	2	183	46.56%
	3	206	52.42%
	4	4	1.02%
Program	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan	125	31.81%
	Sarjana Muda Perakaunan	178	45.29%
	Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi	76	19.34%
	Sarjana Muda Ekonomi	14	3.56%

Jadual 3 menunjukkan kepentingan penilaian pelajar terhadap pensyarah. Majoriti pelajar bersetuju bahawa penilaian ini penting. Sebanyak 89.90% responden bersetuju bahawa penilaian ini membantu meningkatkan kualiti pengajaran pensyarah. Namun, berdasarkan hasil temuduga kumpulan fokus, terdapat segelintir pelajar yang menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada pensyarah mengambil kira komen pelajar dan seterusnya membuat penambahbaikan dalam pengajaran pada semester seterusnya. Ini kerana, berdasarkan komen senior atau alumni, kaedah pengajaran pensyarah dirasakan sama sahaja pada

setiap semester. Salah seorang responden temubual kumpulan fokus menyatakan:

“Sebenarnya tidak menjadi masalah jika pensyarah tidak dinilai kerana tidak boleh mengubah apa-apa kepada pensyarah tersebut. Isu yang kami dengar berkenaan seseorang pensyarah dari senior masih juga kami alami. Hal ini bermaksud pensyarah tersebut mungkin tidak pun mengambil sebarang tindakan penambahbaikan berdasarkan penilaian pelajar”

JADUAL 3. Kepentingan Penilaian Pelajar Terhadap Pensyarah (n=393)

Item	Min	Peratus
Penilaian pelajar terhadap pensyarah sangat penting.	4.382	87.60%
Penilaian pelajar membantu pelajar untuk belajar dengan lebih baik.	4.229	84.60%
Penilaian pelajar membantu meningkatkan kualiti pengajaran oleh pensyarah.	4.496	89.90%
Penilaian pelajar dapat meningkatkan kualiti pendidikan di universiti.	4.422	88.40%

Jadual 4 menunjukkan faktor atau kriteria yang diambilkira oleh pelajar dalam menilai pensyarah. Dapatani ini adalah berdasarkan data dari Bahagian C instrumen soal selidik yang digunakan untuk mengukur

JADUAL 4. Kriteria/Faktor Penilaian Pelajar Terhadap Pensyarah (n=393)

No.	Kriteria/faktor	Skala					Min	Kedudukan
		1	2	3	4	5		
C8	Kaedah penyampaian yang jelas dan menarik	-	-	2.5	32.8	64.6	4.621	1
C6	Penyediaan bahan pengajaran yang lengkap	-	0.3	3.6	37.2	59.0	4.550	2
C15	Memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar	-	0.3	5.9	37.4	56.5	4.501	3
C5	Penguasaan dan keyakinan dalam penyampaian	-	0.3	3.6	42.5	53.7	4.496	4
C11	Dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus	-	-	2.8	47.3	49.9	4.471	5
C9	Pensyarah pandai berjenaka/ bercerita	-	3.1	16.0	41.0	40.0	4.178	6
C12	Pensyarah menepati masa	-	1.3	19.9	45.6	33.3	4.109	7
C10	Pensyarah boleh dihubungi melalui SMS/Whatsapp diluar waktu kelas	0.3	4.6	17.6	46.3	31.3	4.038	8
C4	Penguasaan bahasa	0.5	3.1	17.1	56.0	23.4	3.987	9
C20	Minat terhadap subjek	1.3	3.8	20.6	46.6	27.7	3.957	10
C14	Pensyarah melibatkan pelajar dalam sesi pengajaran (Contoh: kerap bertanya soalan kepada pelajar/pelajar boleh bertanya soalan atau memberi pendapat)	-	2.5	26.0	47.8	23.7	3.926	11
C7	Bebanan tugas yang diberikan kepada pelajar	1.5	6.9	28.5	38.7	24.4	3.776	12
C19	Tahap kesukaran subjek (subjek sukar/mudah)	1.8	6.9	28.0	44.0	19.3	3.723	13
C13	Pensyarah tegas dalam peraturan seperti etika pakaian & ketepatan masa kehadiran kuliah	1.3	5.3	38.2	42.2	13.0	3.603	14
C18	Saiz kelas (kelas besar/kecil)	2.5	10.4	33.1	36.6	17.3	3.557	15
C17	Pendapat senior/rakan berkenaan reputasi pensyarah	3.1	9.9	35.4	37.2	14.5	3.501	16
C16	Pensyarah tegas (strict) dalam memberi markah/gred	4.8	9.9	47.6	27.5	10.2	3.282	17
C3	Penampilan fizikal	12.0	22.9	30.3	29.8	5.1	2.931	18
C1	Status akademik	15.8	28.2	32.8	15.3	7.9	2.712	19
C2	Usia pensyarah	15.5	34.4	33.6	13.7	2.8	2.539	20

tahap persetujuan responden berkenaan 20 faktor yang diambilkira semasa menilai prestasi pensyarah. Kriteria atau faktor tersebut disusun secara rawak, termasuk lima kriteria yang ditetapkan dalam sistem penilaian pengajaran pensyarah di UKM, iaitu (i) penguasaan bahan dan keyakinan dalam penyampaian, (ii) kaedah penyampaian yang jelas dan menarik, (iii) dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus, (iv) menepati masa dan (v) memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar.

Berdasarkan analisis kedudukan dan min, terdapat lapan faktor dengan min skor pada tahap tinggi (lebih dari 4.00) menjadi faktor penting yang diambilkira dalam penilaian prestasi pensyarah. Faktor ‘kaedah penyampaian yang jelas dan menarik’ (min = 4.621) adalah faktor yang paling mempengaruhi penilaian responden terhadap prestasi pensyarah, diikuti dengan faktor ‘penyediaan bahan pengajaran yang lengkap’ (min = 4.550), ‘memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar’ (min = 4.501), ‘penguasaan dan keyakinan dalam penyampaian’ (min = 4.96) dan ‘dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus’ (min = 4.471). Dapatkan kajian ini juga menunjukkan, kriteria yang ditetapkan dalam sistem penilaian pengajaran pensyarah di UKM yang diwakili oleh faktor nombor C8, C15, C5, C11 dan C12 mempunyai min pada tahap tinggi (lebih dari 4.00). Hal ini bermaksud, majoriti responden bersetuju bahawa kesemua kriteria penilaian pensyarah yang ditetapkan tersebut menjadi faktor penting diambilkira dalam penilaian pensyarah.

Selain itu, faktor lain yang dinilai penting untuk diambilkira oleh responden dalam penilaian pensyarah adalah faktor penyediaan bahan pengajaran yang lengkap, pensyarah pandai berjenaka/ bercerita dan pensyarah boleh dihubungi melalui sistem pesanan ringkas (SMS)/Whatsapp diluar waktu kelas. Berdasarkan hasil temubual kumpulan fokus, kesediaan pensyarah untuk dihubungi diluar waktu kelas yang diambilkira dalam penilaian prestasi pensyarah tidak diukur berdasarkan cepat atau lambat memberi respon, tetapi lebih kepada kesungguhan pensyarah memberi layanan sama rata dan bersifat mesra pelajar. Salah seorang responden memberi komen berikut:


“Kami tidak mengharapkan pensyarah memberi maklum balas segera jika dihubungi melalui SMS atau whatsapp, tetapi kesungguhan pensyarah melayani dan membantu kami yang diambilkira”.

Manakala, tiga faktor yang paling kurang memberi pengaruh dengan min pada tahap rendah adalah ‘usia pensyarah’ (min = 2.539), ‘status akademik’ (min = 2.712), dan ‘penampilan fizikal’ (min = 2.931). Hal ini bermakna, ketiga-tiga kriteria yang merupakan kriteria bercirikan fizikal dan status pensyarah tidak diambilkira oleh responden dalam memberi penilaian kepada pensyarah. Dapatkan ini didapati tidak selari dengan beberapa dapatan kajian lepas yang memberi bukti perkaitan faktor fizikal seperti penampilan fizikal (Feeley 2002), usia (Spooren 2010) dan status akademik (McPherson et al. 2009) dengan penilaian prestasi pensyarah oleh pelajar. Dapatkan kajian ini turut digambarkan menerusi carta Change Assessment and Scoring Tool (CAST) dalam Rajah 1.

Seterusnya, faktor-faktor lain menunjukkan tahap min sederhana (min antara 3.01 sehingga 4.00). Namun, berdasarkan Jadual 4, analisis peratusan menunjukkan terdapat beberapa faktor yang digambarkan penting oleh responden dalam penilaian pensyarah. Contohnya, faktor ‘penguasaan bahasa oleh pensyarah’. Walaupun faktor ini mempunyai tahap min sederhana, 79.4% responden menyatakan persetujuan (sama ada setuju dan sangat setuju) faktor tersebut diambilkira oleh pelajar. Jadual 4 juga menunjukkan bahawa sebanyak 74.3% responden bersetuju faktor ‘minat terhadap subjek’ penting diambilkira dalam penilaian pensyarah. Faktor ini selari dengan dapatan kajian lepas seperti Bembenny (2009). Walau bagaimanapun, faktor minat terhadap subjek adalah faktor diluar kawalan pensyarah dan tidak seharusnya faktor ini diambilkira dalam penilaian prestasi pensyarah (Abdul Rahman et al. 2011).

Begitu juga dengan faktor lain yang tidak berkait secara langsung dengan kompetensi pensyarah seperti tahap kesukaran subjek dan juga saiz kelas. Berdasarkan kajian ini, majoriti responden (63.3%) bersetuju bahawa tahap kesukaran subjek memberi pengaruh kepada penilaian pensyarah. Manakala, 53.9% responden juga bersetuju saiz kelas penting diambilkira dalam menilai pensyarah. Hal ini bermaksud, walaupun faktor-faktor ini mempunyai tahap min sederhana, terdapat majoriti responden yang menyatakan persetujuan bahawa faktor tersebut diambilkira semasa menilai pensyarah.

RAJAH 1. Carta CAST yang menggambarkan purata skor maklumbalas responden terhadap faktor/kriteria penilaian pensyarah ($n = 393$)



Seterusnya, faktor ‘pensyarah melibatkan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran’ turut menunjukkan peratusan majoriti responden (71.5%) bersetuju bahawa faktor tersebut diambilkira dalam penilaian prestasi pensyarah. Faktor ini juga telah dibuktikan mempunyai pengaruh dalam penilaian prestasi pensyarah oleh kajian lepas (seperti Duque & Weeks 2010). Lain-lain faktor yang menunjukkan min pada tahap sederhana tetapi analisis peratusan menunjukkan majoriti responden menyatakan persetujuan adalah seperti faktor ‘bebanan tugas yang diberikan kepada pelajar’ (63.1% responden bersetuju), ‘pensyarah tegas dalam menguatkuaskan peraturan’ (55.2% responden bersetuju), dan faktor ‘pendapat rakan/senior berhubung reputasi pensyarah’ (51.7% responden bersetuju). Hal ini memberikan indikator bahawa faktor-faktor tersebut mungkin juga diambilkira oleh pelajar dalam menilai pensyarah kerana terdapat majoriti responden yang menyatakan persetujuan.

KESIMPULAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyelidik faktor atau kriteria yang diambilkira oleh pelajar dalam membuat penilaian prestasi pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima

kriteria yang ditetapkan oleh UKM sememangnya diambilkira oleh pelajar dalam menilai pensyarah menerusi sistem SPPP. Terdapat juga faktor lain yang dibuktikan mempunyai pengaruh dalam penilaian pensyarah seperti sifat humor pensyarah di dalam kelas dan kesediaan pensyarah untuk dihubungi diluar waktu kelas (menerusi SMS atau whatsapp). Namun, faktor-faktor ini juga boleh diinterpretasikan sebagai suatu faktor ‘pensyarah menggunakan kaedah penyampaian yang menarik’ dan ‘pensyarah bersifat mesra pelajar’ yang termasuk dalam lima kriteria penilaian pengajaran yang ditetapkan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa lima kriteria penilaian pengajaran pensyarah yang ditetapkan oleh UKM adalah sah dan boleh dipercayai kerana dapatan kajian ini menunjukkan bukti bahawa pelajar mengambilkira kesemua faktor tersebut dalam membuat penilaian pengajaran pensyarah.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini perlu dilihat secara berhemah kerana tertakluk kepada beberapa limitasi. Pertama, kajian ini hanya bersifat deskriptif dan tidak bertujuan untuk menguji tafsiran pelajar terhadap kriteria atau faktor penilaian pengajaran pensyarah termasuk lima kriteria yang ditetapkan oleh UKM. Justeru, kajian lanjutan diperlukan untuk mengkaji bagaimana pelajar mentafsir kelima-lima kriteria penilaian pengajaran tersebut bagi mendapatkan kefahaman mendalam tentang gelagat pelajar dalam

menilai pengajaran pensyarah. Kedua, dapatan kajian ini diperoleh berdasarkan kajian yang dilaksanakan dengan hanya menggunakan sampel pelajar di satu fakulti. Maka, kajian lanjut perlu dilaksanakan dengan menggunakan lebih banyak sampel dari kesemua fakulti di UKM untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang faktor yang mempengaruhi penilaian pengajaran pensyarah oleh pelajar.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini mendapat sokongan daripada Geran Kajian Tindakan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (Kod projek: EP-2017-024).

RUJUKAN

- Abd-Rahman, G.Y. Anuar-Yusoff, M.S. Abdul Majid, M.A & Sahrir, M.S. 2011. Persepsi terhadap pensyarah dan hubungannya dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar bahasa Arab. Kertas kerja persidangan National Academic Conference, Kelantan, 18-19 Jun.
- Aruguete, M.S., Slater, J., & Mwaikinda, S. R. 2017. The Effects of Professors' Race and Clothing Style on Student Evaluations, *The Journal of Negro Education*, 86(4): 494-502
- Bembenutty, H. 2009. Teaching effectiveness, course evaluation, and academic performance: The role of academic delay of gratification. *Journal of Advanced Academics* 20(2):326-355.
- Campos, D. F., Salvi dos Santos, G. & Castro, F. N. 2017. Variations in student perceptions of service quality of higher education institutions in Brazil: A longitudinal study. *Quality Assurance in Education* 25(4):394-414.
- Center for Teaching and Learning Stanford University. 1997. Using student evaluations to improve teaching, speaking of teaching. *Stanford University Newsletter on Teaching* 9(1): 1-4
- Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia. 2008. Bangi, Selangor, 6 Ogos.
- Díaz-Méndez, M., Saren, M. & Gummesson, E. 2017. Considering pollution in the higher education (HE) service ecosystem: The role of students' evaluation surveys. *The TQM Journal*, 29(6):767-782.
- Duque, L.C. & Weeks, J.R. 2010. Towards a model and methodology for assessing student learning outcomes and satisfaction. *Quality Assurance in Education* 18(2): 84-105.
- Feeley, T. H. 2002. Evidence of halo effects in student evaluations of communication instruction. *Communication Education*. 51(3): 225-236.
- Feldman, K. A. 1989. Instructional effectiveness of college teachers as judged by teachers themselves, current and former students, colleagues, administrators, and external (neutral) observers. *Research in Higher Education* 30(2):137-189.
- Fuhrmann, B. G. & Geyer, A. 2003. Students' evaluation of teachers and instructional quality-analysis of relevant factors based on empirical evaluation research. *Assessment & Evaluation in Higher Education* 28(3): 229-238.
- Husbands, C.T. 1997. A study at the London School of Economics and Political Science. *Higher Education* 33(1):51-70.
- Johnson, R. 2000. The authority of the student evaluation questionnaire. *Teaching in Higher Education* 5(4):419-434.
- Kuzmanovic, M. Savic, G. Popovic, M. & Martic, M. 2013. A new approach to evaluation of university teaching considering heterogeneity of students' preferences. *Higher Education* 66(2):153-171.
- MacNell, L., Driscoll, A., & Hunt, A.N. 2015. What's in a Name: Exposing Gender Bias in Student Ratings of Teaching, *Innovative Higher Education*, 40(4):291-303
- Marsh, H. W. 1987. Students' evaluation of university teaching: Research findings, methodological issues, and directions for future research. *International Journal of Educational Research* 11(3):253- 388.
- McPherson, M. A., Todd Jewell, R. & Kim, M. 2009. What determines student evaluation scores? A random effects analysis of undergraduate economics classes. *Eastern Economic Journal* 35(1): 37-51
- Nik Yusoff, N.M.R, Mahamod, Z., & Ab.Ghani, K. 2008. Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan* 33:3-18
- Orpen, C. 1980. The susceptibility of student evaluation of lecturers to situational variables. *Higher Education* 9(3):293-306.
- Penny, A. R. 2003. Changing the agenda for research into students' views about university teaching: Four shortcomings of SRT research. *Teaching in Higher Education* 8(3): 399-411.
- Remedios, R. & Lieberman, D. A. 2008. I liked your course because you taught me well: the influence of grades, workload, expectations and goals on students' evaluations of teaching. *British Educational Research Journal* 34(1): 91-115.
- Richardson, J. T. E. 2005. Instruments for obtaining student feedback: A review of the literature. *Assessment and Evaluation in Higher Education* 30(4): 387-415.
- Santiago P, Benavides F 2009. Teacher evaluation, a conceptual framework and examples of country practices. Kertas kerja persidangan OECD-Mexico Workshop towards a Teacher Evaluation Framework, Mexico, 12 Ogos.
- Shevlin, M.Banyard, P. Davies, M. & Griffiths, M. 2000. The validity of student evaluation of teaching in higher education: Love me, love my lectures? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 25(4):397-405.
- Spooren, P. Brockx, B. & Mortelmans, D. 2013. On the

- Validity of Student Evaluation of Teaching: The State of the Art. *Review of Educational Research* 83(4): 598-642.
- Spooren, P. 2010. On The Credibility of the Judge: A Cross-Classified Multilevel Analysis on Student Evaluations of Teaching. *Studies in Educational Evaluation* 36(4): 121-131
- Stroebe, W. 2016. Why Good Teaching Evaluations May Reward Bad Teaching: On Grade Inflation and Other Unintended Consequences of Student Evaluations, *Perspectives on Psychological Sciences*, 11(6):800-816
- Yusoff, M., McLeay, F. & Woodruffe-Burton, H. 2015. Dimensions driving business student satisfaction in higher education. *Quality Assurance in Education* 23(1):86-104.

Maizatulakma Abdullah*, Ainol Basirah Abdul Wahab, Noorsakinah Abdul Wahab dan Muhammad Azim Ismail
 Pusat Pengajian Perakaunan
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia.
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat-menyurat; e-mel: maizatul@ukm.edu.my

Diserahkan: 4 Mei 2018

Diterima: 26 Julai 2018